

24 NOV 2000

Mahathir-Landasan

PROJEK LANDASAN KERETAPI API TRANS-ASIA DAPAT SOKONGAN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

SINGAPURA, 24 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakan dialog Sidang Kemuncak Asean, Jepun, China dan Korea Selatan telah membayangkan sokongan penuh bagi projek landasan kereta api trans-Asia yang dicadangkan oleh Malaysia.

Perdana Menteri berkata Asean berharap untuk menyalurkan pinjaman yang ditawarkan oleh rakan-rakan sidang kemuncak kepada negara-negara yang kurang membangun jika Asean bersetuju untuk meneruskan projek landasan kereta api dari Singapura ke Kunming itu yang membabitkan RM9.5 bilion.

Pinjaman itu sama ada tidak dikenakan faedah atau cuma dikenakan faedah minimum, kata beliau kepada pemberita selepas mengadakan dua rundingan dua hala, di sini hari ini.

Dr Mahathir mengadakan rundingan dua hala berasingan dengan Presiden China Zhu Rongji dan Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai.

Dr Mahathir berada di sini bagi menghadiri Sidang kemuncak Tidak Formal Asean keempat.

Dr Mahathir berkata Asean dan rakan sidang kemuncaknya berpendapat bahawa adalah perlu untuk membantu empat daripada negara anggota Asean yang masih ketinggalan.

Kajian kemungkinan mengenai projek berkenaan telah dikemukakan semasa sidang kemuncak tidak formal para pemimpin itu pagi tadi untuk diluluskan.

Rakan sidang kemuncak semasa mesyuarat dengan para pemimpin Asean lewat hari ini diberi taklimat mengenai projek itu yang sekarang mencapai kemajuan ke peringkat mencari sumber bagi pembiayaan. Thailand mengetuai sebuah jawatankuasa untuk mencari pembiayaan projek itu.

Dr Mahathir juga berkata para pemimpin Asean bersetuju tentang perlunya meningkatkan penggunaan sungai seperti sungai Irrawaddy dan Mekong sebagai kaedah komunikasi pengangkutan di kalangan negara anggota.

"Oleh kerana projek kereta api Singapura-Kunming adalah relevan bukan sahaja kepada mereka di tanah besar, negara-negara yang bukan terletak di tanah besar seperti Indonesia tidak mahu diketepikan. Jadi, kita mahu memperbaiki komunikasi melalui laut," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pengangkutan laut, alternatif pengangkutan yang lebih murah, akan digunakan bagi Filipina, Indonesia dan Brunei.

Mengenai rundingan dua hala dengan Presiden China, Dr Mahathir berkata kedua-dua mereka membincangkan mengenai Asia Timur dan dasar satu China.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan berpegang kepada dasar satu China.

Berhubung dengan perdagangan dua hala dan pelaburan, beliau berkata China berminat untuk melabur dalam projek kilang kertas di Malaysia.

"Imbangan perdagangan menguntungkan Malaysia, jadi kita perlu melakukan sesuatu dan mungkin kita akan menawarkan kontrak itu kepada mereka," kata beliau.

-- BERNAMA

ARA FAZ